


# Lebih 200 pelajar tiga varsiti anjur tujuh projek sosial di negara serantau

Projek sokongan Maybank bertujuan bantu golongan miskin,  
perkasa belia jadi pemimpin masa depan



**PROJEK BERINOVASI:** Pelajar Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Encik Abdullah Akmal Kamarozaman (*kir*), menerangkan projeknya kepada Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Foundation, Encik Shahril Azuar Jimin. Projeknya melibatkan pembinaan sistem biogas metana yang boleh digunakan untuk memasak. – Foto TAUFIK A. KADER

LEBIH 200 pelajar Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) akan menjalankan tujuh projek di negara serantau dalam usaha membantu golongan dalam lingkaran kemiskinan.

Kesemua projek itu dipilih di bawah program 'eMpowering Youths', atau Memperkasa Belia, yang bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia tentang isu sosial di negara serantau.

Pengalaman yang ditimba boleh dijadikan inspirasi kepada pemimpin masa hadapan ini.

Melalui program ini, setiap projek akan menerima dana sehingga \$30,000 daripada Maybank.

Dengan dana yang disalurkan oleh 'Maybank Foundation', Maybank berkrar menyetipkan dana

sebanyak \$800,000 dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi program tersebut.

"Kami kagum dengan idea projek berinovasi yang dibentangkan dan ia menunjukkan pemahaman mereka dalam isu yang dihadapi masyarakat yang disasarkan ini.

"Kami teruja dapat memperkasa golongan belia ini," kata Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Foundation, Encik Shahril Azuar Jimin.

Pelajar yang terlibat akan pergi ke beberapa negara Asean termasuk Laos, Kemboja, Vietnam dan Filipina bagi melaksanakan projek mereka.

Salah seorang pelajar NTU tahun kedua bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik yang terlibat dalam program itu di bawah Projek Mai, Encik Abdullah Akmal Kamarozaman, 23 tahun, akan ke Vietnam

Jun ini.

Projek Mai dibahagi kepada dua kategori – pertama, pembinaan sistem biogas bagi pengurusan sisa yang membolehkan masyarakat menggunakan gas metana yang dihasilkan untuk memasak, sekali gus menjimatkan wang; kedua, pendidikan.

Beliau menerajui kumpulan yang akan mengajar mata pelajaran Sains kepada kanak-kanak di kampung yang akan mereka lawati.

"Dahulu, saya pernah ke situ untuk tujuan lain dan pengalaman saya bersama kanak-kanak di situ menjadi inspirasi dan motivasi saya kembali ke situ.

"Kami berjuang dan saya percaya usaha kami, walaupun sekecil ini, akan membawa perbezaan dan kegemilangan dalam kehidupan mereka," ujarnya.